



LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA
FISHERIES DEVELOPMENT AUTHORITY OF MALAYSIA
Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti
47120 PUCHONG
MALAYSIA



Tel: 603-8064 9000
Faks (fax) : 603-8060 3726
Laman Web(web) : <http://lkim.gov.my>

Ruj. Kami : LKIM:M406/4 Jld 4 ()
Tarikh : 19 November 2020

Seperti di Lampiran

Tuan,

PELAWAAN MENGEMUKAKAN CADANGAN MENGOPERASIKAN TAPAK AKUAKULTUR LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM), BUKIT MALUT, LANGKAWI, KEDAH

- ***Request for Proposal***

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan kepada pihak tuan/puan bahawa LKIM berhasrat melaksanakan tawaran terbuka kepada pemain industri akuakultur yang berpengalaman bagi mengoperasikan tapak akuakultur di Bukit Malut, Langkawi, Kedah. Sehubungan dengan itu, LKIM memanjangkan dan mewar-warkan tawaran ini kepada pihak pemain industri/syariakt swasta/ orang-perseorangan yang berminat.

3. Maklumat berhubung pelawaan mengemukakan cadangan ini disertakan seperti di Lampiran 1. Sebarang pertanyaan bolehlah berhubung dengan Puan Rosmawati Binti Hj Maludin di talian 03-80649058 atau emel rosmawati@lkim.gov.my dan Encik Mohd Zamiruddin Bin Che Kamarudin di talian 0380649000 ext 7433 atau emel zamir_29@yahoo.com. Atas kerjasama yang diberikan pihak tuan/puan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(RASHIMA BINTI BAHARUDDIN)

Pengarah
Bahagian Pemasaran Dan Perlesenan
b.p. Ketua Pengarah LKIM

LAMPIRAN 1

PERKARA: PELAWAAN MENGENAKAN CADANGAN MENGOPERASIKAN TAPAK AKUAKULTUR LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM), BUKIT MALUT, LANGKAWI, KEDAH

- 1) LKIM mempunyai tapak akuakultur di Bukit Malut, Langkawi, Kedah terdiri daripada tanah kosong dan kolam yang boleh dibangunkan dan dioperasikan bagi tujuan pengeluaran ikan secara komersial.
- 2) Pengusaha/Operator dari kalangan syarikat swasta dipelawa untuk membangunkan tapak akuakultur tersebut melalui kaedah sewa berkonseptan *as is where is basis*.
- 3) Koordinat lokasi tapak akuakultur Bukit Malut ialah 6°18'53.0"N 99°47'37.2"E
- 4) Kertas cadangan yang lengkap hendaklah dihantar kepada **Pengarah Bahagian Pemasaran dan Pelesenan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Aras G, Wisma LKIM, Jalan Desaria, Pulau Meranti, 47120 Puchong, Selangor.**
- 5) Tarikh pelawaan di Laman Sesawang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) adalah pada **24 November 2020 (Selasa)** dan tarikh tutup pelawaan adalah pada **30 November 2020 (Rabu)**.

SENARAI SEMAK
KERTAS CADANGAN MENGOPERASI PROJEK AKUAKULTUR
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA

Bil	Butiran	
1.	Surat Permohonan	<input type="checkbox"/>
2.	Latar Belakang Syarikat <ul style="list-style-type: none"> a. Menyatakan latar belakang syarikat dan pengalaman syarikat di bidang akuakultur. b. Melampirkan dokumen-dokumen menyokong kenyataan mengenai pengalaman syarikat. 	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
3.	Butiran Projek Dicadangkan <ul style="list-style-type: none"> a. Menyatakan spesies ternakan. b. Menjelaskan kaedah / model sistem ternakan digunakan. 	<input type="checkbox"/>
4.	Analisa Perbelanjaan dan Pendapatan Projek Memperincikan aliran tunai.	<input type="checkbox"/>
5.	Pelan Pelaksanaan Projek Menyatakan pelan perbauan pelaksanaan projek.	<input type="checkbox"/>
6.	Impak Projek <ul style="list-style-type: none"> a. Menyatakan sumbangan projek. b. Menyatakan impak projek. 	<input type="checkbox"/>
7.	Cadangan Kadar Sewaan <ul style="list-style-type: none"> a. Menyatakan kadar sewaan. b. Iain-lain tawaran (sekiranya ada) kepada LKIM. 	<input type="checkbox"/>